

Musa: Siapa pun tidak boleh atasi undang2

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Selasa.— Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam menegaskan, tidak ada seorangpun rakyat Malaysia yang mempunyai kedudukan melebihi undang-undang, tidak kira betapa rapatnya dengan kuasa atau pengaruhnya.

Datuk Musa berkata, undang-undang di Malaysia dirumuskan melalui sistem demokrasi berparlimen tersendiri dan tidak ada siapa yang pernah mencabarnya.

"Kami menekankan, dengan kata-kata dan perbuatan, bahawa tidak ada seorangpun rakyat yang melebihi undang-undang, walau bagaimanapun rapatnya dia dengan kuasa atau pengaruh, yang mungkin ada padanya," ujarnya.

Datuk Musa menyatakan demikian di majlis penerimaan Ijazah Kehormat Undang-Undang (LLD) yang dikurniakan kepadanya oleh Universiti Sussex, United Kingdom, hari ini.

"Undang-undang kami, mungkin tidak secukupnya dengan bentuk pemikiran anda. Ia dirumuskan dan diproses melalui sistem

kami, tidak ada seorangpun pernah mencabarnya," ujarnya.

"Malaysia memberikan rakyatnya hak membuat keputusan menerusi keazaman mempertahankan sistem demokrasi berparlimen yang mungkin berbeza dari dunia anda," katanya.

Dalam ucapannya yang dikeluarkan di sini, Datuk Musa berkata beliau yakin Malaysia akan terus maju dengan adanya faktor berdikari rakyatnya berasaskan kepada kuat bekerja dan disiplin serta menghormati peraturan dan undang-undang.

Malaysia, katanya, mahukan rakyatnya bekerja untuk dirinya sendiri demi kehidupan dan kesejahteraan.

Datuk Musa juga menegaskan bahawa Malaysia yang tergolong dalam negara-negara membangun tidak lagi menerima perhubungan antarabangsa sebagai pemberi atau penerima.

"Negara maju menganggap dirinya sebagai pemberi manakala negara membangun sebagai penerima, dan pada masa yang sama memberi petunjuk apa yang harus dilakukan atau apa baik untuk kami," tambahnya.

Datuk Musa menegaskan, Malaysia berpendapat bahawa hakikatnya ialah setiap negara adalah penerima kerana perhubungan antarabangsa yang baik adalah untuk kepentingan jangka panjang bagi semua.

Slogan

"Malaysia tidak mengambil sebarang tindakan mengemukakan sebarang slogan atau memberitahu dunia berapa banyak jasa yang telah diberikan kepada dunia tetapi menumpukan usaha membetulkan keadaan sendiri," jelasnya.

Katanya, dalam dunia yang bergantung antara satu sama lain kerana perkembangan teknologi ia mungkin menimbulkan kemungkinan berlakunya pertikaian yang hebat.

Usaha mengenakan sesuatu kepada individu, kumpulan atau negara-negara lain, yang sedia dibentuk dari pemikiran prasangka, adalah ancaman terbesar kepada hubungan erat manusia dan persefahaman antarabangsa.

Dalam konteks Malaysia, Datuk Musa menjelaskan bahawa meskipun rakyatnya adalah dari orang kebanyakan dan sederhana tetapi pemikiran mereka tidak sesuai dengan pemikiran yang dibentuk oleh negara maju di Barat.

Katanya, hasrat rakyat Malaysia adalah sederhana tetapi ia memberi cabaran kepada pemimpin untuk memenuhinya.

Datuk Musa juga menyebut tentang cabaran yang dihadapi oleh negara seperti pengagasan komunis yang terus menggunakan kekejaman untuk menjatuhkan kerajaan, puak pelampau agama yang berfikiran sempit dan penafsiran yang tidak dapat diterima mengenai agama dan perkataan yang bersedia membawa rakyat kepada pertentangan dan pertelingkahan.

Datuk Musa berkata kejayaan yang dicapai di Malaysia adalah sesuatu yang dibanggakan.